

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG**  
**[ ALOR GAJAH ]**

**SOALAN : Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ] minta**  
**MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan mengimbangkan dasar luar Malaysia di antara kuasa besar dunia khususnya Amerika Syarikat, China dan Rusia yang mempunyai dasar luar dan strategi keselamatan yang berlainan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Luar Malaysia mengutamakan usaha menjalinkan hubungan baik dengan negara-negara lain. Prinsip saling hormat menghormati di antara satu sama lain berlandaskan undang-undang dan norma antarabangsa merupakan salah satu asas kepada jalinan hubungan Malaysia dengan negara-negara lain termasuk kuasa-kuasa besar dunia. Pada masa yang sama, Malaysia peka dengan persekitaran global yang sentiasa berubah khususnya melibatkan kuasa-kuasa besar dunia yang mengamalkan dasar luar dan strategi keselamatan masing-masing.

2. Di dalam hal ini, Malaysia mengambil pendekatan untuk terus mengeratkan hubungan baik dan bermanfaat dengan negara-negara kuasa besar ini termasuk Amerika Syarikat, China dan Russia, serta mengambil pendirian berkecuali dan tidak memihak dengan mana-mana satu negara ini di dalam isu-isu serantau dan antarabangsa. Sebaliknya, Malaysia mengambil pendekatan konstruktif dan bekerjasama di dalam menangani cabaran-cabaran yang dihadapi agar isu-isu yang sukar khususnya, tidak menggugat keakaraban dan kerjasama hubungan dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara kuasa besar ini.

3. Kematangan pendekatan Dasar Luar Malaysia yang pragmatik ini telah dapat menjamin kedaulatan dan keutuhan negara di dalam menghadapi persekitaran global yang mencabar.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP  
[ SEKIJANG ]**

**SOALAN :**

Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini proses transformasi dalam menaiktaraf Mahkamah Syariah daripada tiga tingkatan kepada lebih termasuklah dalam mewujudkan Mahkamah Rayuan Syariah dan bilakah jangkaan masa proses ini dapat mencari kata putus.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Institusi kehakiman Syariah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu,

Kerajaan Persekutuan telah mengadakan rundingan dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri agar cadangan untuk menaiktaraf kedudukan Mahkamah Syariah setaraf dengan Mahkamah Sivil dapat dilaksanakan.

Usaha naik taraf tersebut akan melibatkan pertambahan hierarki mahkamah Syariah sedia ada iaitu daripada tiga (3) peringkat mahkamah kepada lima (5) peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Di samping itu, taraf perjawatan dan emolument para hakim Mahkamah Syariah supaya setaraf dengan mahkamah sivil dan sebagainya turut dicadangkan.

Pada masa ini, Kerajaan dari semasa ke semasa, sedang dalam tindakan aktif untuk melaksanakan cadangan tersebut.

Sekian, terima kasih.